

Dua bot 'hantu' Vietnam ditahan

Sinar Harian 30/6/2020 M/S 22 FOTO: IHSAN APMM TERENGGANU

Penahanan babitkan rampasan bernilai hampir RM2 juta

Oleh RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Agensinya Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan dua buah bot nelayan 'hantu' bersama 27 nelayan Vietnam di dua lokasi berasingan iaitu antara 100 dan 101 batu nautika dari Kuala Terengganu kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kapten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, kedua-dua bot itu dipanggil bot 'hantu' kerana memiliki nombor pendaftaran yang mencurigakan selain nombor pendaftaran juga sudah dipadam.

Katanya, pemeriksaan ke atas kedua-dua bot mendapati terdapat 27 nelayan



Dua bot 'hantu' milik nelayan Vietnam yang ditahan APMM kelmarin.

Vietnam dan kesemua mereka tidak memiliki sebarang dokumen yang sah.

"Semua nelayan termasuk tekong yang berumur antara 18 hingga 50 tahun

ditahan bersama hasil tangkapan laut, diesel, bot dan peralatan menangkap ikan dengan rampasan dianggarkan bernilai hampir RM2 juta ketika rondaan

Op Khas Naga Barat.

"Dua bot bersama semua nelayan yang ditahan dibawa ke jeti APMM Terengganu untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia dan Akta Imigresen kerana tekong dan kru tidak memiliki sebarang dokumen yang sah," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Muhammad Suffi berkata, tindakan menangkap dan menahan bot nelayan asing dikuatkuasakan semula APMM sebagaimana pengumuman yang dibuat Ketua Pengarah APMM, Laksamana Maritim Datuk Mohd Zubil Mat Som pada 24 Jun lalu.

Katanya, tindakan itu diambil berikutan pengusiran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak memberi kesan kepada nelayan asing.

Sebarang maklumat dan salah laku yang berlaku di perairan negara boleh dibuat dengan menghubungi talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Negeri Terengganu.